

11/09/1998

Firma Amerika iktiraf (HL)

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis - Sebuah firma perunding kewangan terkemuka di dunia hari ini memberi pengiktirafan terhadap program pemulihan ekonomi Malaysia, apabila menerima pelantikan sebagai penasihat kerajaan.

Salomon Smith Barney Inc, firma sekuriti ketiga terbesar di Amerika Syarikat, akan menasihati kerajaan dalam penyusunan dan permodalan semula sektor perbankan Malaysia, termasuk memberi pandangan kepada Danamodal Nasional Berhad.

Pelantikan Salomon Smith Barney Inc, melalui anak syarikatnya, Salomon Smith Barney (Malaysia) Sdn Bhd itu, diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Carcosa Seri Negara di sini, hari ini.

Pengerusi dan Ketua Eksekutif Salomon Smith Barney, Deryck Maughan, memberitahu sidang akhbar selepas pengumuman itu, pihaknya yakin langkah tegas yang dilaksanakan kerajaan, mampu memperkukuhkan ekonomi Malaysia.

"Saya yakin Malaysia boleh mencatat lebih akaun semasa yang besar tahun ini dan tahun depan. Malaysia mempunyai hutang yang rendah bila dilihat dari sebarang segi piawai antarabangsa," katanya.

Salomon Smith Barney yang berpangkalan di New York, mempunyai 500 pejabat di 27 negara. Anak syarikat Travelers Group itu, menyediakan perkhidmatan perunding kewangan, perbankan, pelaburan, sekuriti, penyelidikan dan pengumpulan modal.

Perdana Menteri ketika mengumumkan pelantikan itu, menegaskan Malaysia tidak menentang bantuan asing, sebaliknya kerajaan mengalu-alukan sebarang bantuan mana-mana pihak bagi membantu memulihkan ekonomi negara.

"Kita bukan antiasing, bukannya terlalu tempatan sangat sehingga menolak sesuatu yang dirasakan boleh membantu rancangan kita," katanya.

Menurut Dr Mahathir, Salomon Smith Barney akan turut membantu kerajaan merangka serta melaksana program pembiayaan ketara, bagi memenuhi matlamat negara dalam tempoh dua tahun.

"Kita mengadakan perbincangan sebentar tadi mengenai usaha untuk mengumpul dana bagi membiayai program kerajaan, dan mereka akan menasihati kerajaan bagi tujuan itu," katanya.

Menurut Perdana Menteri, tiada jangka masa ditetapkan kepada syarikat itu, sebaliknya Salomon Smith Barney dilantik sehingga masalah ekonomi negara berjaya diatasi.

Salomon Smith Barney diasaskan oleh broker saham, Charles Barney dan pegawai bank pelaburan, Edward Smith, pada abad ke-19. Mereka berdua juga menjadi perintis kepada industri sekuriti Amerika dan membantu menjadikan Wall Street sebagai pasaran kewangan terkemuka di dunia.

Pada 31 Disember 1993, Smith Barney menjadi anak syarikat milik penuh Travelers Group Inc, firma perkhidmatan kewangan pelbagai yang terkemuka dan disenaraikan di Bursa Saham New York.

Salomon Inc dan Travelers Group mengumumkan pada 24 September 1997, mereka bersetuju untuk menggabungkan Salomon Inc dengan Smith Barney Holdings, anak syarikat Travelers Group, menjadi sebuah syarikat dikenali Salomon Smith Barney Holdings Inc.

Sementara itu, Maughan berkata, Malaysia memahami kepentingan mewujudkan sistem kewangan domestik yang kukuh serta sanggup melaksanakan langkah perlu untuk menstabilkan sistem perbankan.

"Dalam keadaan yang luar biasa bagi pasaran kewangan antarabangsa ini, kami percaya Kerajaan Malaysia bertindak dengan berkesan dan kami akan membantu mencapai matlamat itu.

"Kami bercadang mewujudkan program pengumpulan dana membabitkan semua pelabur utama di seluruh dunia apabila keadaan membenarkan. Ia tidak akan membabitkan satu pasaran utama saja tetapi menyeluruh," katanya.

Menurut Maughan, firmanya akan merangka program pembiayaan ketara bagi memenuhi matlamat negara dalam tempoh dua tahun. Perkara pertama dilakukan ialah menjelas keadaan sebenar mengenai Malaysia.

Sehubungan itu, katanya, Salomon Smith Barney akan menerbitkan kajian terperinci terhadap kawalan yang diperkenalkan oleh Malaysia esok. Kajian menyeluruh itu, merangkumi kesan kawalan terhadap ekonomi dan kekuatan kewangan Malaysia. Ia akan dihantar ke pelanggannya di seluruh dunia.

"Selain itu, sepasukan ahli perbankan dan penyelidik kami akan menemui lebih 100 institusi di Eropah dan Amerika Syarikat minggu depan, untuk memaklumkan mengenai Malaysia dan mendapatkan pandangan mengenai strategi yang dirangka," katanya.

Maughan berkata, syarikat itu juga akan merekabentuk serta melaksanakan program kewangan kukuh apabila keadaan pasaran bersesuaian.

(END)